



MEMBINA KOMUNITI BERTINDAK D-I-Y BERDIKARI

Dengan Mengaktifkan Undi Belia

UndiMsia! adalah suatu inisiatif untuk melibatkan golongan muda Malaysia. Kami bergerak secara *online* dan secara asasnya:

- menyediakan cara dan jalan yang mampu menyelesaikan masalah-masalah yang menjadi persoalan kepada golongan muda Malaysia dan komuniti mereka;
- membina, menggerakkan, menganjurkan dan menyokong golongan muda Malaysia untuk mengambil tindakan yang dapat memberi kesan serta hasil yang ketara di dalam komuniti mereka sendiri;
- menggalakkan lebih banyak penyertaan daripada golongan muda Malaysia dalam membuat keputusan-keputusan yang melibatkan diri mereka; dan
- membantu golongan muda Malaysia untuk mengutarakan soalan-soalan yang betul dan membuat pilihan-pilihan berasaskan pengetahuan dalam mana-mana proses pengundian dalam memilih pemimpin.

ISU-ISU UTAMA KAMI

Pada tahun pertama, UndiMsia! akan memberi tumpuan kepada tiga bidang utama:

- hak sosio-ekonomi** berkenaan dengan makanan dan perumahan;
- hak sivil dan politik** berkenaan dengan kebebasan bersuara; dan
- memahami Belanjawan** berkenaan dengan pendidikan.

INI BUKAN HANYA TENTANG MENGUNDI

UndiMsia! bukan hanya tentang mengundi - malahan, ia lebih dari itu. UndiMsia! memberi penekanan kepada kuasa rakyat “sebelum” dan “selepas” pengundian dibuat. Ini adalah suatu gerakan pendidikan bertujuan untuk menggalakkan dan menambah lebih banyak penyertaan oleh golongan muda Malaysia dalam proses demokrasi negara kita.